

Headline	2,571 mati dalam penjara, pusat tahanan	Language	MALAY
Date	24. Mar 2009	Page No	16
Media Title	Berita Harian	Article Size	59 cm2
Section	Nasional	Frequency	Daily
Circulation	192917	Color	Black/White
Readership	1521000	AdValue	816.55



## 2,571 mati dalam penjara, pusat tahanan

**S**ERAMAI 2,571 penghuni penjara, pusat pemulihan akhlak dan depoh tahanan pendatang tanpa izin, meninggal dunia akibat pelbagai penyakit sejak 1999 sehingga tahun lalu.

Kematian dalam tahanan polis bagi tempoh yang sama pula sebanyak 153 kes, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, berdasarkan laporan koroner dan laporan pegawai perubatan, punca utama kematian disebabkan pelbagai penyakit seperti HIV/Aids, septicaemia, pulmonary tuberculosis, kanser, sakit jantung, masalah darah dan asma.

“Punca lain dikenal pasti menyumbang kepada kes kematian tahanan adalah kes atau kejadian bunuh diri dan pergaduhan sesama tahanan sehingga menyebabkan kematian,” katanya dalam jawapan bertulis kepada Liew Chin Tong (DAP-Bukit Bendera).

Daripada 2,571 tahanan yang meninggal, 98.7 peratus atau 2,536 kematian berlaku di hospital iaitu ketika penghuni menerima rawatan.